

**D.R. 16/97**

**Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Letrik Sabah 1983.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Letrik Sabah (Pindaan) 1997. Tajuk ringkas.

2. Akta Lembaga Letrik Sabah 1983, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 3 dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut: Pindaan seksyen 3. Akta 278.

"(1A) Sebagai tambahan kepada kuasa yang diberikan di bawah subseksyen (1), Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, menswastakan atau dengan apa-apa cara lain memindahmilikkan atau melupuskan kesemua atau mana-mana aktiviti atau menswastakan atau dengan apa-apa cara lain memindahmilikkan atau melupuskan kesemua atau mana-mana aset dan liabilitinya."

Bahagian  
baru X.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian IX Bahagian yang berikut:

"BAHAGIAN X

PEMBUBARAN

Kuasa  
Menteri  
untuk  
menetap-  
kan tarikh  
pembubaran.

91. Jika Menteri berpuas hati bahawa, oleh sebab penswastaaan atau pemindahmilikan atau pelupusan kesemua atau lebih daripada separuh aktiviti Lembaga atau kesemua atau lebih daripada separuh asetnya, Lembaga tidak patut terus wujud, Menteri boleh, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan suatu tarikh, kemudian daripada ini disebut "tarikh pembubaran", bagi pembubaran Lembaga.

Kesan pene-  
tapan tarikh  
pembubaran.

92. Pada tarikh pembubaran, Lembaga hendaklah menjadi bubar dan Akta ini hendaklah menjadi mansuh.

Perpindahan  
hak, keisti-  
mewaan,  
dsb.

93. Apabila Lembaga menjadi bubar, segala hak, keistimewaan, liabiliti dan obligasi yang sebelum sahaja tarikh pembubaran adalah hak, keistimewaan, liabiliti dan obligasi Lembaga hendaklah, dari tarikh itu, turun kepada Kerajaan.

Perpindahan  
harta.

94. (1) Semua tanah yang sebelum sahaja tarikh pembubaran adalah terletak hak pada Lembaga hendaklah, pada tarikh itu, terletak hak pada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan yang dilantik di bawah Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957 bagi maksud-maksud Kerajaan.

Akta 349.

(2) Semua wang yang ada pada, atau kena dibayar kepada Lembaga sebelum sahaja tarikh pembubaran, hendaklah, pada tarikh pembubaran, berpindah kepada, dan terletak hak pada Kerajaan.

(3) Semua harta dan aset selain daripada tanah dan wang yang sebelum sahaja tarikh pembubaran adalah terletak hak pada Lembaga

atau pada mana-mana orang bagi pihaknya hendaklah, pada tarikh itu, terletak hak pada Kerajaan.

Kontrak  
yang sedia  
ada, dsb.

95. Segala suratikatan, bon, perjanjian, suratcara dan perkiraan kerja yang wujud sebelum tarikh pembubaran dan menyentuh mana-mana harta yang berpindah di bawah seksyen 94 hendaklah mempunyai kuatkuasa dan kesan yang penuh terhadap atau memihak kepada Kerajaan dan boleh dikuatkuasakan sepenuhnya dan dengan berkesan seolah-olah Kerajaan, bukan Lembaga atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya, telah dinamakan dalamnya atau telah menjadi suatu pihak kepadanya.

Penerusan  
prosiding  
jenayah  
dan sivil.

96. (1) Pemansuhan Akta ini tidaklah menyentuh liabiliti mana-mana orang untuk didakwa atau dihukum bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini sebelum tarikh pembubaran, atau mana-mana prosiding yang telah dibawa atau hukuman yang telah dikenakan sebelum tarikh itu berkenaan dengan kesalahan itu.

(2) Mana-mana prosiding atau kausa tindakan yang belum selesai atau yang wujud sebelum tarikh pembubaran oleh atau terhadap Lembaga atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya bolehlah diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Kerajaan sebagaimana ia boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Lembaga atau orang itu seolah-olah Akta ini tidak pernah dimansuhkan.

(3) Mana-mana rayuan yang dibawa, atau mana-mana kebenaran untuk merayu yang dipohon, pada atau selepas tarikh pembubaran, terhadap sesuatu keputusan yang diberikan sebelum tarikh pembubaran dalam mana-mana prosiding undang-undang yang dalamnya Lembaga menjadi suatu pihak boleh dibawa oleh

atau terhadap Kerajaan sebagaimana ia boleh dibawa oleh atau terhadap Lembaga seolah-olah Akta ini tidak pernah dimansuhkan.

Penerusan undang-undang, dsb.

97. Semua undang-undang bertulis yang menyentuh atau bagi perlindungan Lembaga dan berkuatkuasa sebelum tarikh pembubaran hendaklah, sehingga dipinda atau dibatalkan oleh pihak berkuasa yang mempunyai kuasa untuk berbuat demikian, terus berkuatkuasa dan ditafsirkan seolah-olah Akta ini tidak pernah dimansuhkan:

Dengan syarat bahawa apa-apa sebutan dalam undang-undang bertulis itu mengenai Lembaga, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Kerajaan dan ungkapan-ungkapan yang memaksudkan sebutan sedemikian hendaklah ditafsirkan sewajarnya."

---

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Lembaga Letrik Sabah 1983 ("Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 3 Akta dengan memasukkan subseksyen baru (1A) yang memberi Lembaga Letrik Sabah ("Lembaga") kuasa, dengan kelulusan Menteri, untuk menswastakan atau memindahmilik atau melupuskan kesemua atau mana-mana aktiviti, aset dan liabilitinya.

3. *Fasal 3* bertujuan memasukkan Bahagian baru X yang mengandungi peruntukan bagi pembubaran Lembaga dan kesan pembubaran itu.

Seksyen 91 mengadakan peruntukan mengenai kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh pembubaran Lembaga apabila dia berpuas hati bahawa oleh sebab penswastakan atau pemindahmilikan atau pelupusan kesemua atau lebih daripada separuh aktiviti Lembaga atau kesemua atau lebih daripada separuh asetnya, Lembaga tidak patut terus wujud.

Seksyen 92 memperuntukkan bahawa pada tarikh pembubaran Akta hendaklah menjadi mansuh dan Lembaga hendaklah menjadi bubar.

Seksyen 93 mengadakan peruntukan bagi penurunan hak, keistimewaan, liabiliti dan obligasi Lembaga kepada Kerajaan.

Seksyen 94 mengadakan peruntukan bagi perpindahan semua harta alih dan tak alih dan aset lain Lembaga kepada Kerajaan atau Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan bagi perpindahan semua wang yang ada pada, atau kena dibayar, kepada Lembaga, kepada Kerajaan.

Seksyen 95 mengadakan peruntukan bagi penguatkuasaan segala kontrak yang sedia ada oleh atau terhadap Kerajaan sebagai ganti Lembaga.

Seksyen 96 mengadakan peruntukan bagi penerusan prosiding undang-undang oleh atau terhadap Kerajaan sebagai ganti Lembaga.

Seksyen 97 mengadakan peruntukan bagi penerusan semua undang-undang bertulis yang menyentuh atau melindungi Lembaga dengan mentafsirkan sebutan-sebutan mengenai Lembaga sebagai sebutan-sebutan mengenai Kerajaan.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN. (U<sup>2</sup>) 1999.]